

KOPERASI MITRA MALABAR

PRINSIP ‘FAIR TRADE’ MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN ANGGOTA

Arfizawati Abd Hadi

arfizawati@mkm.edu.my

Pusat Pembangunan Komuniti

Afizah Abdul Jalal

afizah@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan



Pengenalan

Bandung adalah ibu kota wilayah Jawa Barat di Indonesia, bandar ketiga terbesar yang mempunyai kepadatan penduduk di negara ini dan kawasan metropolitan keempat terbesar di Indonesia. Setiap tahun, kepadatan penduduk juga meningkat dan pada tahun 2014, Bandung mempunyai 2.7 juta penduduk. Bandung terletak pada 768 meter (2,520 kaki) di atas paras laut, kira-kira 140 kilometer tenggara Jakarta. Bandung mempunyai suhu yang lebih sejuk sepanjang tahun daripada kebanyakan bandar-bandar lain di Indonesia.

Faktor geografi memainkan peranan yang penting dalam bidang perladangan dan pertanian. Indonesia mempunyai iklim tropika yang lembap dan dipengaruhi oleh angin monsun barat dan monsun timur. Secara khususnya, Bandung merupakan kawasan paling sejuk di Indonesia. Kota Bandung dikelilingi oleh pergunungan dan secara geografi kota ini terletak di tengah-tengah wilayah Jawa Barat, serta berada pada ketinggian ± 768 m di atas permukaan laut. Manakala iklim kota Bandung dipengaruhi oleh iklim pergunungan yang lembab dan sejuk, dengan purata suhu 23.5 °C.

Negara Pengeluar Kopi

Indonesia terkenal sebagai salah sebuah negara penghasil kopi terbaik di dunia. Sejak zaman dahulu, kopi merupakan minuman yang dinikmati oleh semua golongan tanpa melihat latar belakang sosial ekonomi. Istilah *a Cup of Java* terkenal di dunia barat sebagai secangkir kopi yang menjadi identiti Pulau Jawa. Kawasan Priangan merupakan tempat pertama pengembangan perladangan kopi di Indonesia. Bandung Selatan mempunyai 50 ribu hektar ladang kopi dan nombor satu terbaik di Indonesia yang sudah diakui kualitinya di dunia antarabangsa. Jenis kopi tersebut adalah kopi arabika. Istimewanya ladang kopi ini adalah majoritinya dikendalikan sendiri oleh petani (lebih kurang 95 peratus diusahakan oleh

petani) sehingga menghasilkan manfaat ekonomi yang cukup tinggi. Kopi Arabika dan Robusta telah menjadi kopi yang paling digemari oleh para pecinta kopi kelas dunia. Ladang kopi arabika terbesar di dataran tinggi seperti Lembang, Ciwidey, Gununghalu, Cikalongwetan, Cililin, dan Rongga. Secara ringkasnya, sejarah perladangan kopi bermula pada tahun 1696 apabila Datuk Bandar Amsterdam, Nicholas Witsen memerintahkan komandan pasukan Belanda untuk membawa benih kopi arabika ke nusantara, tetapi benih pertama ini gagal tumbuh kerana banjir. Usaha pengembangan kopi kedua dilaporkan terjadi pada tahun 1699. Percubaan pertama dilakukan di daerah Pondok Kopi, Batavia. Setelah tumbuh dengan baik di sana, Belanda mendirikan perladangan kopi pertama di daerah Priangan Jawa Barat dengan *Sistem Tanam Paksa*. Setelah pengembangan kopi hampir ke seluruh Pulau Jawa pada tahun 1750, Belanda mula mengembangkan perladangan kopi arabika di Sumatra, Bali, Sulawesi, dan Kepulauan Timur.

Pergerakan Koperasi di Indonesia

Sejarah gerakan koperasi di Indonesia bermula pada abad ke-20 yang pada umumnya diusahakan oleh orang-orang miskin. Gerakan koperasi di Indonesia sama seperti di Malaysia yang bermula dengan

koperasi kredit. Koperasi bermula daripada kalangan rakyat yang menghadapi masalah ekonomi dan sosial yang berpunca dari sistem kapitalis. Pada waktu itu, rakyat hidup sederhana dengan kemampuan ekonomi yang terbatas dan mereka bersatu untuk menolong diri sendiri dan di antara satu sama lain.

Koperasi Mitra Malabar

Koperasi Mitra Malabar Wilayah Jawa Barat ditubuhkan pada 20 Jun 2012. Koperasi Mitra Malabar menaungi beberapa koperasi di beberapa daerah penghasil kopi di Jawa Barat dan dirintis oleh para petani di Gunung Malabar, kemudian berkembang ke seluruh wilayah Jawa Barat dan sehingga kini telah menaungi tiga bandar iaitu Bandung, Sumedang dan Bandung Barat. Gunung Malabar terletak di Bandung Selatan, Pulau Jawa Barat Indonesia. Koperasi Mitra Malabar mengelola perniagaan usahatani dengan menerapkan prinsip-prinsip koperasi untuk memberikan manfaat yang sebesar-besarnya bagi masyarakat Jawa Barat dengan berusaha meningkatkan perekonomian masyarakat ke arah yang lebih baik khususnya anggota. Koperasi ini terbuka kepada petani, pedagang dan sesiapa yang menyukai kopi.

Kelompok Tani Kopi Rahayu

Mengikut sejarah, koperasi ini bermula dengan gabungan para petani yang dipanggil sebagai Kelompok Tani Rahayu. Gabungan ini dirasmikan pada 24 September 1992 dan berfungsi dalam bidang hortikultur. Pada 17 Mei 2001, Kelompok Tani Rahayu ini bersepakat

untuk menanam satu jenis tanaman iaitu tanaman kopi di bawah pimpinan Supriatna Dinuri. Setelah beralih ke tanaman kopi, kelompok anggota ini berkurangan kepada tujuh orang, sebahagian petani tidak mahu bergabung sebelum melihat manfaat yang diperoleh dari hasil tanaman kopi. Para petani masih belum mendapatkan manfaat yang maksimum daripada tanaman kopi kerana masih menjual kopi dalam bentuk *cherry*. Walau bagaimanapun, seiring waktu berjalan, dengan suka duka yang dihadapi oleh para anggota serta diimbangi dengan hasil tuaian kopi yang semakin baik, jumlah anggota kelompok tani semakin bertambah. Pada tahun 2009, Kelompok Rahayu Tani bergerak semakin kehadapan dengan mendapatkan Hak Kelola Hutan Pangkuhan Desa seluas 60 hektar dari Jabatan Perhutanan Bandung Selatan. Namun demikian, pada tahun tersebut juga daerah Pangalengan mengalami bencana gempa bumi, Encik Ir. Jayagama iaitu Pengurus Koperasi Mitra Malabar (sehingga kini) mengadakan khidmat bakti sosial bagi mengurangkan beban dan meningkatkan motivasi mangsa gempa yang kebanyakannya adalah petani kopi. Kegiatan bakti sosial ini juga, bermulanya idea untuk meningkatkan taraf kesejahteraan masyarakat di kawasan itu, khususnya petani kopi kerana beliau memikirkan kopi merupakan komoditi eksport bagi Indonesia. Seterusnya, beliau terus mencari beberapa pendekatan untuk melihat potensi masyarakat di situ. Mereka bermula dengan program yang dinamakan program Ternak Peduli yang merupakan langkah awal dalam usaha membantu memulihkan ekonomi

masyarakat khususnya petani kopi. Program Ternak Peduli adalah program yang memberi bantuan perternakan lembu, kambing dan arnab kepada beberapa petani kopi. Hasil dari usaha tersebut diagihkan kembali kepada petani lain yang memerlukannya. Program ini menerapkan budaya bantumembantu antara satu sama lain. Melalui program inilah yang menjadi titik semangat kepada mereka dalam perladangan kopi oleh Koperasi Mitra Malabar dengan prinsip Bermitra. *Berbagi Peduli antara Encik Jayagama dengan Encik Supriatna Dinuri*. Prinsip ini membawa maksud bekerjasama dan mengambil tahu antara satu sama lain.

Aktiviti Perniagaan Kopi oleh Koperasi

Sehingga kini, koperasi menjalankan tiga aktiviti perniagaan berdasarkan kopi iaitu perniagaan kopi, latihan dan penyediaan prasarana untuk aktiviti kopi. Di sini, dapat dilihat bahawa koperasi sentiasa memberi nilai tambah terhadap perniagaan yang dijalankan.

Perniagaan Kopi

Bagi aktiviti ini, koperasi membeli hasil tuaian kopi daripada petani. Seterusnya, koperasi mempunyai kilang yang dilengkapi dengan mesin-mesin yang canggih untuk memproses dan menghasilkan kopi yang bermutu tinggi. Di bawah bidang ini koperasi menjalankan aktiviti perladangan.

Perlادangan Kopi

Koperasi menjalankan perladangan kopi arabika yang ditanam di Gunung

Malabar, Pangalengan, Bandung Indonesia pada ketinggian 1500mdpl. Kopi Malabar adalah salah satu kopi yang menjadi kesukaan bagi penggemar kopi arabika. Koperasi mempunyai lebih 200 hektar ladang kopi dan melibatkan lebih 100 orang petani. Koperasi juga membeli hasil tuaian daripada para petani yang bukan anggota koperasi. Koperasi menetapkan standard kualiti terhadap hasil tuaian petani agar para petani bermotivasi dan mengetahui gred kopi yang dihasilkannya sendiri. Ini bermakna, para petani menyedari dan tahu di manakah gred kopi yang dihasilkannya sendiri. Ini merupakan salah satu nilai tambah yang koperasi wujudkan dalam perniagaan kopi yang dijalankannya. Hasilnya, petani akan berusaha sebaik mungkin bagi menghasilkan tuaian yang baik. Koperasi juga menyediakan anugerah bagi petani yang dapat menghasilkan kopi pada kualiti yang baik secara konsisten. Selain itu, koperasi juga membekalkan benih kepada petani serta memastikan anggota memperoleh benih yang baik dan berkualiti pada harga yang berpatutan.

Kerjasama dalam Pemberian Benih Kopi

Kopi Malabar Indonesia menjalankan kerjasama dengan Lembaga Swadaya Partisipatif Pemuliaan Tanaman Preanger Jawa Barat dalam pembangunan benih kopi, yang mana anggotanya ialah Bahagian Pemuliaan Tanaman dari Fakulti Pertanian Universiti Padjadjaran.

Amalan Perolehan Benih yang Baik

- 1) Kaedah petik dan pilih benih kopi berasal dari kebun induk, dilakukan khusus hanya untuk buah yang telah masak secara fisiologi dengan warna buah yang merah sempurna. Buah kopi yang hampir masak memiliki daya hidup benih yang tinggi, dari segi pertumbuhan dan perkembangan yang cepat.
- 2) Pengupasan
Buah kopi yang baru dituai akan melalui proses pemilihan. Buah kopi yang terapung tidak layak untuk dijadikan benih. Benih Kopi Malabar hanya menggunakan buah kopi yang superior. Kemudian, buah kopi dikupas menggunakan pengupas khusus sehingga biji kopi tidak ada yang tergelupas. Biji kopi yang tergelupas menyebabkan hilangnya daya hidup benih.
- 3) Pencucian
Benih Kopi Malabar dicuci menggunakan tangan agar biji benih kopi tidak mengalami *pressure shock* yang dapat memberi kesan terhadap pertumbuhan dan perkembangan dalam percambahan.
- 4) Pengeringan
Benih Kopi Malabar dikeringkan dengan menjemur benih di rak yang dibuat dari kawat kasa di tempat yang teduh atau terhindar dari matahari secara langsung.
- 5) Resortasi
Benih Kopi Malabar yang telah dikering dan
- 6) Pengasapan Benih Unggul
Pemberian Fungisida dan Insektisida pada benih Kopi Malabar bertujuan untuk melindung benih dari kulat dan serangga yang dapat merosakkan semasa fasa penyimpanan.
- 7) Penyimpanan
Penyimpanan benih Kopi Malabar dilakukan secara tepat sehingga dapat mempertahankan daya pertumbuhan yang tinggi dalam waktu yang tertentu. Setiap satu kilo benih terdapat lebih kurang 2500 biji benih.
- 8) Pembajaan
Pembajaan bertujuan untuk memperbaiki tanaman, ia dapat meningkatkan mutu hasil, serta mempertahankan kestabilan hasil yang tinggi. Kopi Malabar Indonesia melalui proses pembajaan

Koperasi Mitra Malabar mengelola perniagaan usahatani dengan menerapkan prinsip-prinsip koperasi untuk memberikan manfaat yang sebesar-besarnya bagi masyarakat Jawa Barat dengan berusaha meningkatkan perekonomian masyarakat ke arah yang lebih baik khususnya anggota.

dianginkan dengan kandungan air 45 peratus masih dapat ditingkatkan mutu secara fizikalnya dengan cara memilih benih yang retak dan pecah.

dengan kandungan air 45 peratus masih dapat ditingkatkan mutu secara fizikalnya dengan cara memilih benih yang retak dan pecah.

6) Pengasapan Benih Unggul
Pemberian Fungisida dan Insektisida pada benih Kopi Malabar bertujuan untuk melindung benih dari kulat dan serangga yang dapat merosakkan semasa fasa penyimpanan.

7) Penyimpanan
Penyimpanan benih Kopi Malabar dilakukan secara tepat sehingga dapat mempertahankan daya pertumbuhan yang tinggi dalam waktu yang tertentu. Setiap satu kilo benih terdapat lebih kurang 2500 biji benih.

8) Pembajaan
Pembajaan bertujuan untuk memperbaiki tanaman, ia dapat meningkatkan mutu hasil, serta mempertahankan kestabilan hasil yang tinggi. Kopi Malabar Indonesia melalui proses pembajaan

setahun dua kali iaitu pada awal dan akhir musim hujan. Kesan pembajaan terhadap tanaman akan terjadi pada tahun ke-2. Dan pembajaan hendaklah dilakukan secara konsisten untuk menjaga mutu kopi yang dihasilkan. Tanaman kopi memiliki sifat *biennial bearing*. Justeru, Kopi Malabar Indonesia sentiasa menganalisis tanah dan daun untuk menentukan dos baja yang optimal demi menjaga kestabilan dalam tanamannya.

9) Pemangkasan/ Pencantasan

Proses pencantasan adalah sangat penting dilakukan kerana ia berkait langsung dengan penyediaan cabang-cabang produktif yang menjadi modal utama dalam tanaman kopi. Kopi Malabar Indonesia menerapkan penanaman batang tunggal dengan tiga peringkat pencantasan iaitu peringkat pembentukan, peringkat penghasilan dan cabang primer. Pencantasan dilakukan pada awal atau akhir musim hujan setelah proses pembajaan. Pemangkasan bentuk batang tunggal yang dijalankan pada awal atau akhir musim hujan setelah tanaman mencapai tinggi 2 – 2.5m dipangkas kepada 1.8 – 2m. Kemudian tunas-tunas yang tumbuh setelah pemangkasan akan segera dipangkas untuk menghasilkan buah kopi yang berkualiti tinggi. Pemangkasan produksi dilakukan pada tanaman yang telah menghasilkan

buah, ia bertujuan untuk membuang cabang yang tidak produktif. Pemangkasan cabang primer bertujuan untuk merangsang terbentuknya cabang sekunder dan mencegah pertumbuhan cabang primer.

10) Merumput

Rumput menjadi pesaing tanaman kopi dalam penyerapan nutriens dan air. Kopi Malabar Indonesia melakukan proses merumput secara rutin sehingga tanaman kopi dapat menyerap nutrien dan air semaksimum mungkin. Ia dilakukan dengan cara mekanik, kimia, dan menanam tanaman penutup tanah di antara tanaman kopi.

⑥ Pemprosesan Hasil Tuaian

Salah satu peningkatan dalam memberi nilai tambah perladangan ialah pemprosesan hasil tuaian. Fungsi aktiviti ini sangat penting dan dilakukan oleh koperasi agar dapat memberi penghasilan yang lebih kepada anggota atau petani. Koperasi mempunyai gudang pemprosesan kopi dan mempunyai kelengkapan bagi menghasilkan kopi yang berkualiti dan menepati permintaan pasaran. Antara kopi yang dihasilkan oleh koperasi ialah kopi Arabika, Robusta dan Luwak. Koperasi sentiasa memelihara kualiti kopi yang dihasilkan. Ini kerana, sekiranya ia tidak diproses dengan cara yang betul akan memberi kesan terhadap kualiti kopi. Koperasi memproses

daripada peringkat *pulping*, *hulling* hingga *roasting*.

• Kopi Luwak

Kopi Luwak ialah kopi yang dihasilkan daripada najis musang. Koperasi mempunyai 150 ekor musang yang dijaga rapi untuk menghasilkan kopi luwak. Di bandung, kopi luwak sangat terkenal dan digemari oleh penduduk tempatan dan pelancong. Kopi luwak hanya lima peratus daripada pengeluaran kopi yang sedia ada. Harga kopi ini sangat tinggi dan menjana keuntungan yang tinggi. Biji kopi akan dimakan oleh musang dan melalui saluran pencernaan musang. Buah kopi yang dimakan oleh Musang Malabar tersebut berasal dari lereng Gunung Malabar yang subur dan ditanam pada ketinggian 1400 mdpl. Oleh disebabkan itu, ia dapat menghasilkan buah kopi yang berkualiti tinggi sehingga sangat disenangi luwak. Kopi Luwak Malabar memiliki cita rasa dan aroma kopi yang unik kerana Luwak Malabar hanya memakan buah kopi yang benar-benar matang.

• Perdagangan Kopi

Ia merupakan kegiatan hiliran yang melibatkan stakeholders kopi di Jawa Barat dan Indonesia secara luas. Aktiviti ini juga menjadikan koperasi menjalankan eksport bagi mewakili petani dan koperasi-koperasi Jawa Barat. Pada peringkat ini koperasi menjalankan kerjasama dengan pengeksport sebagai pembekal kopi Java Preanger.



Peruncitan Kopi

Koperasi menguasai kegiatan hiliran bagi tanaman kopinya. Koperasi mempunyai sebuah kafe di Taman Mini Indonesia Indah, Jakarta. Selain itu, mewujudkan Rumah Kopi Nusantara sebagai tempat penerangan kopi dan sekali gus menjadi tempat untuk menikmati kopi yang segar dari ladang dan kilang. Aktiviti ini juga dapat meningkatkan nilai pendapatan dan sumbangan daripada orang tempatan.

Agropelancongan

Berslogarkan 'sensasi menjadi petani kopi sehari', koperasi menjalankan aktiviti pelancongan dalam memberi nilai tambah kepada produknya. Aktiviti pelancongan ini bukan sekadar pelancong dapat menikmati keindahan kawasan pergunungan tetapi mereka juga boleh menjalankan aktiviti sebagai petani kopi, memproses buah kopi dan sehinggalah menjadi minuman dan boleh dinikmati. Ini merupakan salah satu aktiviti yang menarik dan dapat dilihat bahawa koperasi berinovasi dalam perniagaan mereka. Daripada bidang perladangan yang hanya terlibat dengan jual beli hasil tanaman anggota kepada bidang pelancongan.

Latihan

Koperasi bukan sahaja membeli hasil tuaian petani semata-mata tetapi

juga sentiasa memberi nilai tambah dalam hasil tuaian. Contohnya, koperasi menerapkan ilmu-ilmu perkopian kepada setiap petani bagaimana mahu menghasilkan kopi yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran. Para petani terdiri daripada petani-petani kecil dan kebanyakannya mereka tidak mempunyai ilmu mengenai kopi. Sebilangan petani juga ditipu oleh orang tengah dengan menjual pada harga yang sangat rendah. Dengan cara ini juga, koperasi dapat memastikan bahawa bekalan biji kopi yang dibeli daripada anggota adalah pada tahap yang berkualiti. Dapat dilihat bahawa koperasi dan anggota sentiasa bekerjasama dalam menjana ekonomi antara satu sama lain.

Kerjasama dengan P4S

Koperasi menjalankan latihan kepada anggota melalui kerjasama dengan Lembaga Pendidikan bahagian pertanian yang dipanggil sebagai P4S (Pusat Pelatihan Pertanian dan Pedesaan Swadaya). Latihan memfokuskan kepada kaedah perkebunan dan perindustrian dalam bidang kopi secara teratur dan kesinambungannya diaplikasikan dalam GAP (Good Agriculture Proces) dan GMP (Good Manufacturing Proces). P4S memiliki kemudahan tanah dan peralatan dalam bidang kopi yang dapat digunakan untuk diperaktikan dalam mengusahakan kopi. Selain itu, P4S memiliki kemudahan tempat latihan yang sempurna

untuk berkumpul dan belajar tentang perniagaan agro kopi dari hulu sampai ke hilir. Antara latihan yang dijalankan ialah,

- i. Latihan pemberian kopi
- ii. Latihan penanaman kopi
- iii. Latihan selepas penuaan kopi
- iv. Latihan pengolahan hilir kopi
- v. Latihan menghasilkan kopi Luwak
- vi. Latihan keusahawanan

Penyediaan Prasarana Kopi

Kafé kopi

Koperasi juga telah mengambil inisiatif dengan membuka kafe berasaskan kopi. Para pekerja juga diambil daripada anak-anak petani. Dan ini merupakan strategi yang diguna pakai oleh koperasi bagi menarik minat anak-anak petani untuk tidak berhijrah ke bandar. Ini kerana masalah yang dihadapi oleh koperasi ialah mereka semakin kekurangan petani kerana para petani yang sedia ada sudah tidak berdaya lagi menjalankan kerja-kerja pertanian kerana faktor umur dan kesihatan.

Prinsip 'Fair Trade': Untuk Kesejahteraan Anggota

Prinsip inilah yang telah menjadikan koperasi diperlukan oleh para petani. Ini kerana, sebelum kewujudan koperasi, para petani dibayar dengan harga yang sangat rendah oleh orang tengah. Walhal, harga kopi yang siap diproses

harganya sangat mahal. Atas keperihatinan Pengurus, beliau menubuhkan koperasi ini bagi membantu para petani supaya tidak ditindas. Koperasi Mitra Malabar menampung hasil tuaian kopi secara tunai dengan harga yang layak untuk petani dengan prinsip *fair trade*. Petani mendapatkan harga siling penjualan kopi berdasarkan jadual dengan merujuk kepada kualiti kopi yang dihasilkan. Dengan cara ini, para petani dalam keadaan sedar dan mengetahui setiap hasil tanaman yang diusahakannya dari segi kualiti. Cara ini juga dapat memotivasi anggota supaya sentiasa meningkatkan mutu kualiti tanaman. Selain itu, setiap bulan koperasi akan menyumbang sehingga 30 peratus kepada para petani daripada keseluruhan hasil yang telah dijual kepada koperasi. Sumbangan 30 peratus daripada koperasi bukan sahaja berbentuk kewangan tetapi juga dalam bentuk bukan kewangan seperti benih kopi dan kemudahan-kemudahan lain. Jika dilihat, prinsip *fair trade* inilah yang menjadi kekuatan kepada koperasi bagi mengelakkan kesetiaan dan kebergantungan anggota kepada koperasi dan sekali gus meningkatkan kesejahteraan para petani kopi secara langsung.

Faktor Kejayaan Koperasi

Nilai Tambah Pada Setiap Rantaian Perniagaan

Jika dilihat pada setiap rantaian dalam perladangan kopi ini, koperasi sentiasa memberi nilai tambah dalam aktivitinya. Koperasi menguasai keseluruhan dalam aktiviti daripada mendapatkan benih, menjalankan kajian, menanam, menuai, memproses dan menghasilkan produk hiliran.

Ini merupakan faktor kekuatan kepada koperasi dan dapat memberi kebaikan pada jangka masa panjang. Ini kerana, koperasi tidak bergantung kepada mana-mana organisasi luar selain kerjasama yang dijalankan untuk menjalankan aktivitinya. Pada peringkat mendapatkan benih, Kopi Malabar menjalankan kajian untuk mendapatkan benih yang terbaik dan mereka memberi latihan kepada pekebun-pekebun cara bagaimana untuk menjalankan kerja-kerja perladangan dengan cara yang betul. Perincian pada setiap kerja perladangan adalah sangat ditekankan bagi menghasilkan buah kopi yang berkualiti dan menjamin kepada kualiti kopi yang disukai ramai. Selain dari itu, dengan wujudnya produk hiliran ia merupakan tambah nilai kepada produknya. Koperasi bukan sahaja dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak-anak anggota tetapi juga dapat menguasai aktiviti daripada sebiji benih yang ditanam kepada secawan kopi yang boleh terus dinikmati.

Jalinan Kerjasama

Kumpulan petani dan pembuat kopi Jawa Barat mempunyai visi dan misi yang sama. Hasil kesefahaman inilah membawa jalinan kerjasama untuk menghasilkan tuaian yang baik. Faktor inilah yang menjadi sebab Kopi Malabar menjadi sangat terkenal di Indonesia. Apabila mereka mempunyai tujuan yang sama, mereka sentiasa memberi penambahbaikan dalam setiap rantaian aktiviti mereka. Selain

memberi kebaikan pada hasil tuaian, jalinan kerjasama ini dapat memberi kebaikan pada harga komoditi kopi. Dengan ini, koperasi menjana lebih pendapatan dan kesannya memberi potensi yang baik pada ekonomi anggota. Dengan jalinan kerjasama ini juga menyumbang kepada penggunaan teknologi bagi menghasilkan kualiti kopi. Justeru, mereka dapat bertukar pendapat dan pengalaman demi menghasilkan buah kopi yang baik. Berikut merupakan jaringan kerjasama yang dijalankan oleh koperasi yang dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu, aktiviti utama, sumbangan kewangan dan aktiviti hiliran.

Cadangan Aplikasi Koperasi di Malaysia

Prinsip Win-win Situation

Gerakan koperasi di Malaysia perlu mengambil inisiatif dan amalan prinsip tersebut dalam mensejahterakan anggota. Hampir 85 peratus pekebun kecil di Koperasi Mitra Malabar adalah anggota koperasi. Apa yang dapat dilihat, Koperasi Mitra Malabar sentiasa memberi penambahbaikan dalam setiap aktiviti perniagaannya. Demi menghasilkan sebiji kopi yang berkualiti, mereka berinovasi dan menjalankan kajian untuk mendapatkan benih yang terbaik. Koperasi sentiasa memberikan pendidikan dan latihan kepada petani untuk menghasilkan kualiti kopi yang baik. Dengan cara ini, koperasi dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada anggota yang terdiri dalam kalangan petani. Jelas

SENARAI KURSUS MKM

| SEKTOR PEMBORONGAN & PERUNCITAN | | | |
|---------------------------------|------------|---|------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 19-21 Sept | Penyediaan Kertas Kerja TMP Stesen Minyak | I(D)BR2209 |
| 2. | 19-21 Sept | Perkhidmatan Pelanggan Dalam Pasar Mini | I(D)BR2201 |
| 3. | 26-28 Sept | Pembangunan Pasar Mini Online | I(D)BR2302 |
| 4. | 10-12 Okt | Sistem Point of Sales (POS) | I(D)BR2303 |
| 5. | 10-12 Okt | Penyediaan Kertas Kerja TMP Pasar Mini | I(D)BR2207 |
| 6. | 17-18 Okt | Pengurusan Susun Atur & Peragaan Barang | I(D)BR2204 |
| 7. | 24-26 Okt | Industri Produk Makanan (Rantaian Nilai) | I(D)BR2208 |
| 8. | 07-11 Nov | Industri Pemborongan ke China | I(L)BR1202 |
| 9. | 22-23 Nov | Pengurusan Rekod & Fail Pasar Mini | I(L)BR2203 |
| 10. | 22-24 Nov | Persediaan Mencebur Perniagaan Francis | I(L)BR2104 |
| 11. | 28-29 Nov | Sistem Kawalan Dalaman Pasar Mini | I(D)BR2301 |

| SEKTOR HARTANAH (PERUMAHAN) & INDUSTRI PEMBINAAN | | | |
|--|------------|--|------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 05-07 Sept | Strategi Pembangunan Hartanah (Pembinaan)-Fasa 2 | I(D)BH1204 |
| 2. | 26-28 Sept | Strategi Pengurusan Pelaburan Sektor Hartanah – Fasa 2 | I(D)BH1202 |

| SEKTOR PERLADANGAN & ASAS TANI | | | |
|--------------------------------|------------|---|------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 05-07 Sept | Peluang Perniagaan Buah Tandan Segar | I(D)BL1101 |
| 2. | 26-28 Sept | Pemprosesan Baja Organik Tinja Haiwan Ternakan & Probiotik EM | I(L)BL3301 |
| 3. | 17-18 Okt | Penyediaan MPK Madu Kelulut | I(D)BL3202 |
| 4. | 14-17 Nov | Pengurusan Tanaman Nanas | I(D)BL2101 |

| SEKTOR PERKHIDMATAN KEWANGAN & PERBANKAN | | | |
|--|------------|--|------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 06-07 Sept | Penyediaan Kertas Kerja Pembiayaan Formasi SKM | I(L)BK1205 |
| 2. | 19-20 Sept | Pembangunan MPK Aktiviti Kredit | I(D)BK1206 |
| 3. | 10-11 Okt | Pengurusan Operasi Aktiviti Kredit | I(D)BK1211 |
| 4. | 18-19 Okt | Pengurusan Risiko Aktiviti Kredit | I(L)BK1301 |
| 5. | 25-26 Okt | Pengurusan Fraud Kop. Kredit | I(L)BK1303 |
| 6. | 15-17 Nov | Audit Patuh Syariah | I(L)BK1307 |
| 7. | 21-22 Nov | Pengurusan Operasi Ar Rahnu | I(D)BK4201 |
| 8. | 07-08 Dis | Sistem Kawalan Dalam Kop. Kredit | I(D)BK1302 |

| SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI & KESIHATAN | | | |
|--|------------|--|------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 05-07 Sept | Penyediaan Kertas Kerja TMP-JPK Aktiviti Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan | I(D)BP4204 |
| 2. | 26-29 Sept | Penyediaan Pakej Pelancongan Dalam Negara (Agrotourism/Historical/Island) | I(L)BP2204 |
| 3. | 10-12 Okt | Perakaunan Aktiviti Homestay-Aplikasi Ms Excel | I(D)BP1301 |
| 4. | 17-19 Okt | Aplikasi Teknik Rawatan & Penjagaan Diri | I(D)BP3204 |
| 5. | 24-25 Okt | Penyediaan Belanjawan Aktiviti Homestay | I(D)BP1202 |
| 6. | 07-09 Nov | Perakaunan Aktiviti Pelancongan-Aplikasi Ms Excel | I(D)BP2301 |
| 7. | 14-16 Nov | Penyediaan Kertas Kerja TMP-JPK Aktiviti Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan | I(D)BP4204 |
| 8. | 22-26 Nov | Penyediaan Pakej Pelancongan Luar Negara (Lawatan Industri) | I(L)BP2204 |
| 9. | 28-30 Nov | Perakaunan Aktiviti Penjagaan Diri – Aplikasi Ms Excel | I(D)BP3301 |

| PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI | | | |
|---|--------------|---|------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 19-21 Sept | Aplikasi Microsoft Excel Lanjutan | I(D)PT1306 |
| 2. | 19-21 Sept | Membina Blog Pemasaran Online | I(D)BP3201 |
| 3. | 26-28 Sept | Pembangunan Sistem Pinjaman Koperasi | I(D)BK1207 |
| 4. | 26-28 Sept | Perniagaan Kedai Maya (Virtual Mall) | I(D)BR2302 |
| 5. | 04-06 Okt | Aplikasi Google untuk Produktiviti | I(D)PT1202 |
| 6. | 17-19 Okt | Persembahan Beranimasi Ms Powerpoint Lanjutan | I(D)PT1304 |
| 7. | 31 Okt-1 Nov | Teknik Pemasaran Perniagaan Melalui Instagram | I(D)BP4301 |
| 8. | 07-10 Nov | Pembangunan Laman Web untuk Pemasaran Produk | I(D)BK1306 |
| 9. | 14-15 Nov | Ms Word Lanjutan: Dokumentasi Berkesan | I(D)PT1303 |

| PUSAT PENYELIDIKAN & KONSULTASI | | | |
|---------------------------------|------------|--|------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 05-06 Sept | Analisis Data Menggunakan Ms Excel | I(D)PY1301 |
| 2. | 28-29 Sept | Pembangunan Soal Selidik Kepuasan Pelanggan | I(L)PY1304 |
| 3. | 10-11 Okt | Penulisan Dokumen Rasmi: Laporan & Minit Mesy | I(D)PY2301 |
| 4. | 10-12 Okt | Perakaunan Aktiviti Homestay – Aplikasi Ms Excel | I(D)BP1301 |
| 5. | 24-25 Okt | Penyediaan Belanjawan Aktiviti Homestay | I(D)BP1202 |
| 6. | 08-10 Nov | Pengurusan Perniagaan Homestay (lanjutan) | I(L)BP1102 |
| 7. | 28-29 Nov | Analisis Data Menggunakan SPSS (lanjutan) | I(D)PY1303 |

SEPANJANG SEPT – DISEMBER 2016

| PUSAT PEMBANGUNAN KOMUNITI | | | |
|-----------------------------------|----------------|--|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 29 Nov – 1 Dis | Kem Pemantapan Kepimpinan Kop (Belia & Wanita) | I(L)PC3102 |

| PUSAT DASAR & ANTARABANGSA | | | |
|---------------------------------------|---------------|---|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 20-21 Sept | Bahasa Arab Komunikasi | I(L)PN1103 |
| 2. | 26-28 Sept | English Communication At Workplace | I(D)PN1101 |
| 3. | 11-12 Okt | Peningkatan Kejuruteraan Diri | I(L)PN2101 |
| 4. | 25-26 Okt | English Communication For Homestay Operator | I(L)PN1102 |

| ZON TENGAH | | | |
|-------------------|---------------|--|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 05-07 Sept | Pengurusan Risiko Koperasi | M(D)PA2301 |
| 2. | 26-27 Sept | Rancangan Perniagaan Format SKM | M(D)PB2202 |
| 3. | 04-06 Okt | Teknik Efektif Pengurusan Rekod & Fail | M(D)PB2201 |
| 4. | 17-18 Okt | Asas Kepenggunaan | M(D)PB1101 |
| 5. | 17-28 Okt | Sijil Pengurusan Koperasi | M(D)SC1301 |
| 6. | 31 Okt-11 Nov | Penyediaan Penyata Kewangan Kop. | M(D)PA1301 |
| 7. | 28-29 Nov | Kepenggunaan dan Perundangan | M(D)PC2102 |

| ZON TIMUR | | | |
|------------------|---------------|--|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 20-22 Sept | Bengkel Perniagaan Kedai Maya (Virtual Mall) | C(D)PT1301 |
| 2. | 11-13 Okt | Rancangan Perniagaan Format SKM | C(D)PB2202 |
| 3. | 01-03 Nov | Kem Pemantapan Kepimpinan Kop. | C(L)PC3101 |
| 4. | 01-03 Nov | Pemantapan Tadbir Urus Kop | C(D)PC1204 |
| 5. | 15-17 Nov | Kesetiausahaan Koperasi Berkesan | C(D)PC1201 |

| ZON UTARA | | | |
|------------------|---------------|---|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 03-06 Okt | Sistem Keanggotaan Kop. Ms Access | K(D)PT3301 |
| 2. | 23-27 Okt | Perakaunan Asas (Kakitangan) | K(D)PA1102 |
| 3. | 31 Okt- 2 Nov | Panduan Pengurusan MAT Kop | K(L)PC1101 |
| 4. | 07-09 Nov | Aplikasi Pangkalan Data Menggunakan Ms Access | K(D)PT1202 |
| 5. | 21-23 Nov | Persembahan Berkesan Ms Powerpoint | K(D)PT1203 |

| ZON SELATAN | | | |
|--------------------|---------------|--|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 10-13 Okt | Sistem Keanggotaan Kop. Ms Access | J(D)PT3301 |
| 2. | 18-20 Okt | Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi | J(L)PC3101 |
| 3. | 26-27 Okt | Rancangan Perniagaan Format SKM | J(D)PB2202 |
| 4. | 21-22 Nov | Teknik Pemasaran Perniagaan Melalui FB | J(D)PT2301 |
| 5. | 28-29 Nov | Pengiraan Zakat & Cukai Kop | J(D)PA1103 |



| ZON SABAH | | | |
|------------------|---------------|--|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 04-07 Okt | Penyediaan Paket Pelancongan Dalam Negara (Lawatan Industri) | S(L)BP2203 |
| 2. | 10-12 Okt | Membina Blog & Pemasaran Online Perniagaan Homestay | S(D)BP2201 |
| 3. | 11-12 Okt | Penyediaan Aturan Koperasi | S(L)PC2101 |
| 4. | 07-09 Nov | Perakaunan Aktiviti Homestay – Aplikasi Ms Access | S(D)BP1301 |
| 5. | 15-17 Nov | Pengurusan Perniagaan Homestay (lanjutan) | S(L)BP1102 |

| ZON SARAWAK | | | |
|--------------------|---------------|---|-------------------|
| BIL | TARIKH | KURSUS | KOD KURSUS |
| 1. | 25-27 Okt | Imej Pasar Mini Koperasi | Q(L)BR2211 |
| 2. | 07-09 Nov | Pemasaran Strategik Pasar Mini Koperasi | Q(D)BR2210 |

Cara memohon

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan kursus yang disediakan atau dalam talian online di <http://www.mkm.edu.my> – Management Information Training System (MITS)
2. Bagi anggota atau kakitangan koperasi dan badan swasta yang berminat, borang permohonan yang telah lengkap diisi boleh dihantar terus ke kampus di mana kursus dijalankan.